



ETNIK BALABAK

PERUBATAN TRADISIONAL



Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah

Sinopsis



*Lakaran wajah Si Upu'
Salampituk Binti Balabak*

Asal usul etnik **Balabak** adalah dari Kepulauan **Balabac**, Filipina. Majoriti etnik **Balabak** mendiami kawasan pesisir pantai Pulau **Banggi**. Kini, penempatan etnik **Balabak** hanya tertumpu di dua buah kampung iaitu Kampung **Maliyu** dan Kampung **Damaran**. Jumlah penduduk etnik Balabak adalah seramai 2000 orang termasuk mereka yang menetap di luar kawasan Pulau **Banggi**.

Terdapat pelbagai andaian yang dikaitkan dengan asal usul etnik Balabak di negeri Sabah dan perkataan **Molbog** iaitu bahasa etnik **Balabak** dikatakan berasal daripada perkataan molubog yang bermaksud kabut atau keruh. Menurut **En. Tingkahan Bin Tuah**, asal usul etnik ini dapat dijelaskan melalui cerita legenda mengenai **Si Upu' Salampituk Binti Balabak**. Legenda **Si Upu' Salampituk** merupakan cerita mengenai kehebatan ilmu seorang pahlawan yang berketurunan Balabak dan dikatakan hanya mempunyai dua orang adik-beradik iaitu seorang lelaki dan seorang perempuan. Perubatan tradisional etnik **Balabak** mempunyai keunikannya yang tersendiri kerana sangat berkait rapat dengan kepercayaan mereka yang diwarisi secara turun-temurun dan masih diamalkan sehingga kini. Kebanyakan bahan perubatan tradisional adalah berasaskan sumber alam semula jadi dan biasanya mudah diperolehi. Di samping itu, terdapat beberapa peralatan muzik yang turut digunakan semasa proses mengubati dijalankan seperti gong, **kulintangan** dan gendang.

Sumber Perubatan Tradisional



Pengenalan

Sumber perubatan tradisional dikenali sebagai herba kerana ubat-ubat yang digunakan adalah daripada tumbuh-tumbuhan semula jadi. Ubat-ubatan ini mudah diperolehi kerana ia tumbuh di sekitar kawasan kampung dan pengambilan herba masih diamalkan sehingga kini. Walau bagaimanapun minyak pugai yang dihasilkan daripada bahan semula jadi digunakan bukan untuk tujuan menyembuhkan penyakit sebaliknya sebagai ubat pengasih.

Minyak Pugai

(Minyak Pengasih)

Pugai adalah antara ilmu yang luar biasa dalam kehidupan etnik *Balabak*. Dipercayai bahawa ilmu ini diamalkan oleh *Si Upu' Salampituk* yang merupakan warisan etnik *Balabak* sehingga kini. Minyak pugai mestilah dihasilkan menggunakan buah kelapa tua (buah pertama) dan buah tersebut mestilah buah kelapa tunggal dan arah kedudukan buah tersebut mestilah menghadap matahari terbit atau menghadap ke arah hiraga (utara). Ini merupakan syarat bagi buah kelapa yang digunakan untuk menghasilkan minyak pugai.

Pantang larang yang harus dipatuhi semasa mengambil buah kelapa ialah buah tersebut tidak boleh dikait, maksudnya buah itu harus diperoleh dengan cara memanjat pokok kelapa dan memetik buah tersebut. Pantang larang kedua, buah kelapa tersebut tidak boleh dibawa turun dengan cara memegangnya menggunakan tangan tetapi mesti menggunakan gigi (digigit). Selain itu, buah kelapa yang digigit tidak boleh terlepas jatuh di atas tanah.

Peralatan yang biasanya digunakan untuk membuat minyak pugai adalah seperti *kukuran*, kual, *kandulan* (penapis), pastan (besen) dan senduk yang diambil dari rumah orang dan tidak boleh diketahui oleh pemiliknya. Minyak ini juga mesti dibuat di jalan yang mempunyai tiga simpang dan tidak boleh diketahui atau dilihat oleh orang lain. Sabut dan tempurung kelapa digunakan sebagai bahan bakar dan tidak boleh menggunakan bahan bakar lain. Sabut kelapa yang dikupas pula hendaklah menggunakan gigi dan tidak boleh dikupas menggunakan tangan. Seterusnya, minyak terhasil apabila ia berubah warna menjadi kekuningan dan setelah itu minyak tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam botol. Lebihan atau sisa daripada bahan bakar dan sabut kelapa mesti ditanam di dalam tanah. Semua pantang larang dan syarat dalam menghasilkan minyak pugai mesti dipatuhi bagi menghasilkan minyak pugai yang mujarab.

Minyak pugai juga dikenali sebagai pugai pasang kerana boleh dibawa semasa berniaga untuk menarik perhatian dan minat pelanggan untuk membeli. Selain itu, melalui temu bual yang dibuat bersama dengan ketua kampung komuniti *Balabak*, minyak pugai juga digunakan apabila seseorang lelaki meminati gadis yang ingin dikahwininya. Tetapi pada masa sekarang amalan penggunaan minyak pugai untuk menarik perhatian seseorang (berlainan jantina) sudah tidak diamalkan.



Minyak Pugai

Kayu Pugai



Keliliban

Akar *keliliban* biasanya direbus dan dicampur dengan daun *punti* (daun pisang yang kering) kemudian diminum atau digunakan sebagai air mandian. Akar *keliliban* berfungsi untuk membuang angin dalam badan di samping boleh meringankan badan wanita yang baru bersalin. *Keliliban* juga digunakan semasa melahirkan anak iaitu diletakkan di bawah rumah.

Etnik *Balabak* percaya bahawa sekiranya kelilibon diletakkan di bawah rumah semasa wanita bersalin, semangat jahat atau syaitan tidak akan mengganggu. Biasanya, darah semasa melahirkan anak yang menitis pada *kelilibon* yang diletakkan di bawah rumah dibiarkan kering sehingga 44 hari.



Pokok Keliliban



*Daun Pisang
Kering (Puntil)*

Dalapas, Onitu dan Doringkimut

Akar atau daun ketiga-tiga tumbuhan ini dicampur kemudian direbus untuk diminum dan biasanya warna air rebusan itu berwarna merah. Air rebusan ini berfungsi untuk menyembuhkan luka wanita yang baru bersalin.



Dalapas



Onitu



Doringkimut

Rubanta

Daun *rubanta* dicampur ke dalam air mandian berfungsi untuk membuang angin daripada badan.



Daun rubanta

Buli Pinggan

Mempunyai fungsi yang sama dengan *dalapas* iaitu boleh menyembuhkan luka wanita yang baru bersalin.



Buli Pinggan

Buli Pinggan

Mempunyai fungsi yang sama dengan *dalapas* iaitu boleh menyembuhkan luka wanita yang baru bersalin.



Buli Pinggan

Kaedah dan Rawatan Tradisional

Perubatan tradisional penting untuk tujuan kesejahteraan hidup. Terdapat dua kaedah rawatan tradisional yang biasa diamalkan oleh etnik *Balabak* iaitu *lotogan* dan *te'dogan*.

a) *Lotogan*

Rawatan *lotogan* bertujuan untuk mengenal pasti penyakit yang dialami oleh pesakit. Semasa rawatan ini dijalankan, *boliyan* (bomoh) menggunakan telur ayam kampung sebagai medium untuk mengenal pasti penyakit dan ini mengambil tempoh tiga malam untuk mengetahui penyakit yang dialami. Selepas tiga malam berakhir, telur akan dipecahkan dan biasanya punca penyakit akan diketahui. Semasa *lotogan* dijalankan, *boliyan* dibantu oleh seorang pembantu untuk mengendalikan rawatan. Namun, peralatan seperti gong, *kulintangan* dan gendang tidak digunakan semasa rawatan ini dijalankan.

b) *Te'dogan*

Terdapat dua tujuan rawatan ini dijalankan iaitu yang pertama, untuk mengubat pesakit dan biasanya dijalankan selama tiga atau tujuh malam. Rawatan ini melibatkan ramai *boliyan* dan alat seperti gong dan *kulintangan* juga digunakan. Rawatan ini dilakukan sekiranya seseorang diganggu makhluk halus dan untuk tujuan *tuman'tuh* (pengesahan dan pengiktirafan) apabila seseorang itu menjadi *boliyan*.

Penutup

Perubatan tradisional etnik Balabak menggunakan bahan-bahan semula jadi seperti *kelilibon*, *rubanta*, *dalapas*, *onitu*, *doringkimut* dan *buli pinggan* untuk mengubati pesakit yang mengalami sakit-sakit ringan. Etnik Balabak juga mempunyai cara untuk mengetahui penyakit yang dialami oleh si pesakit dan cara untuk merawat pesakit yang diganggu oleh makhluk halus. Cara tersebut ialah *lotogan* dan *te'dogan*. Etnik *Balabak* juga terkenal dengan pugai balabak yang digunakan sebagai ubat pengasih.